

# Mahathir enggan mengulas

UM-26/7/2005

**K**UALA LUMPUR 25 Julai – Penasihat Proton Holdings Bhd. (Proton), Tun Dr. Mahathir Mohamad belum mahu memberikan sebaran ulasan berhubung penamatan kontrak Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat kereta nasional itu.

Ketika ditanya mengenai perkara itu bekas Perdana Menteri itu berkata, buat masa ini beliau tidak mahu memberikan sebarang reaksi.

“Saya tidak mahu kata apa lagi (pada masa ini),” katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis penyampaian Anugerah Tokoh Buku Malaysia, di sini malam ini.

Bekas Perdana Menteri itu memberikan reaksi tersebut ketika diminta mengulas mengenai kontrak Tengku Mahaleel yang tidak akan disambung apabila ia tamat pada 30 September ini.

Malah CEO Proton itu juga diarahkan bercuti hingga ke tarikh tersebut.

Keputusan itu diumumkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Proton, Datuk Azlan Hashim dalam satu sidang akhbar tergempar, di sini lewat petang ini.

Dr. Mahathir juga turut dimaklumkan mengenai keputusan lembaga pengarah Proton itu.

Tengku Mahaleel turut hadir pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang membincangkan kedudukannya dalam Proton itu.

Sehingga malam ini, Tengku Mahaleel masih gagal dihubungi untuk mendapatkan ulasan mengenai kontraknya itu.

Dr. Mahathir pada 5 Julai lalu sebagai Penasihat Proton secara terbuka mempertahankan Proton yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai mempertahankan Tengku Mahaleel.



AZLAN Hashim (dua dari kanan) diapit oleh Kisai Rahmat (kanan) dan Kamarulzaman Darus (tengah) menjawab soalan pemberita semasa mengumumkan kontrak Tengku Mahaleel Tengku Ariff sebagai CEO Kumpulan Proton tidak dilanjutkan di Shah Alam, semalam.